

BAB 4

Skrip dalam Penerbitan Video

Selepas menamatkan bab ini, anda diharapkan mampu:

- Menjelaskan peranan serta fungsi skrip dalam proses penerbitan video
- Menerangkan langkah yang perlu diikuti dalam menghasilkan skrip bagi penerbitan video
- Menyediakan skrip bagi penerbitan video mengikut format yang bersesuaian.

Pengenalan

Seperti mana yang telah dibincangkan di dalam bab sebelum ini, sebelum proses penerbitan video sebenar boleh dilaksanakan, terdapat beberapa langkah kerja awal yang perlu dilaksanakan terlebih dahulu. Antara langkah utama yang perlu dilakukan setelah satu jalan cerita dapat disediakan ialah menterjemahkan ianya ke dalam bentuk yang lebih mudah untuk digambarkan. Ini boleh dilakukan menerusi dua proses kerja iaitu dengan menghasilkan skrip dan juga dengan menyediakan papan cerita.

Dalam proses menerbitkan video yang lebih formal atau melibatkan lebih ramai pihak, biasanya skrip atau/dan papan cerita amat diperlukan. Skrip dapat membantu agar semua kakitangan atau pihak yang terlibat dalam proses penerbitan mempunyai panduan dan matlamat yang serupa. Bab ini akan membincangkan proses kerja yang berkaitan dengan penghasilan skrip dalam penerbitan video.

Format Penulisan Skrip Video

Skrip merujuk kepada satu dokumen yang memberi idea kepada keseluruhan rakaman video yang akan dijalankan. Antara lain ia mengandungi maklumat berkaitan dengan:

- babak atau subjek yang akan dirakamkan.
- teknik rakaman yang akan digunakan.
- dialog atau suara latar yang akan digunakan.
- tempoh masa atau durasi rakaman bagi setiap babak.

Secara amnya terdapat dua jenis skrip yang boleh disediakan dalam penerbitan video iaitu skrip spesifikasi dan skrip rakaman. Skrip spesifikasi biasanya merujuk kepada skrip yang disediakan untuk penerbit dan juga aktor yang terlibat dalam penggambaran. Skrip rakaman pula merujuk kepada skrip yang dijadikan panduan oleh pengarah, jurukamera, perakam audio, jurukamera dan lain-lain kakitangan teknikal yang berkaitan. Bab ini akan hanya memberi tumpuan pada skrip rakaman sahaja.

Pada peringkat awal penyediaan skrip, biasanya satu garis kasar atau *outline* akan disediakan bagi menggambarkan setiap aktiviti untuk setiap babak yang akan dirakamkan. Setiap babak ini biasanya boleh diwakili atau diringkaskan kepada satu perenggan perkataan. Gabungan perenggan-perenggan bagi setiap babak ini kemudiannya akan membentuk satu garis kasar yang dapat mewakili keseluruhan jalan cerita yang dirancangan. Berdasarkan garis kasar yang telah disediakan, proses menghasilkan skrip akan lebih mudah untuk dilakukan.

Skrip juga berperanan untuk menetapkan nombor bingkai yang berkaitan dengan babak video yang akan dihasilkan dan seterusnya membantu dalam proses menetap atau merancang tempoh masa bagi setiap babak yang akan dihasilkan.

Bagi memudahkan proses perkongsian idea menerusi skrip dilakukan, terdapat format tertentu yang boleh digunakan dalam menghasilkan skrip dalam penerbitan video. Ianya juga mengikut format khas yang membolehkan ianya mudah untuk difahami oleh semua pihak yang terlibat dalam projek penerbitan video tersebut.

Secara amnya skrip bagi tujuan penghasilan video mengandungi maklumat-maklumat yang berikut :

- gambaran lokasi atau persekitaran di mana cerita tersebut berlaku.
- gambaran aktiviti atau tingkah laku subjek atau watak yang ada di lokasi yang dinyatakan.
- dialog bagi watak-watak yang dinyatakan atau suara latar (sekiranya ada).

Berikutnya pula merupakan format penulisan yang sering digunakan dalam menghasilkan skrip video:

- biasanya satu helaian atau satu mukasurat akan mewakili sekitar satu minit persembahan video sebenar yang akan dihasilkan.
- skrip biasanya dimulakan dengan pengenalan mengenai lokasi atau persekitaran di mana video atau cerita tersebut akan berlaku. Ini disusuli dengan dialog yang akan

disampaikan oleh watak yang berkaitan.

- biasanya nama watak akan ditulis menggunakan HURUF BESAR. Maklumat mengenai kelakuan atau tingkah lakunya juga akan dimaklumkan di bahagian bawah namanya. Biasanya ia akan ditulis dalam kurungan. Ini disusuli dengan dialog yang akan dituturkan oleh watak tersebut ditulis pada baris berikutnya.
- jenis tulisan atau rupa taip (*typeface*) yang sering digunakan ialah Courier.
- Seboleh mungkin gunakan jarak langkau 1.5 atau 2 bagi membolehkan teks atau skrip yang disediakan mudah dibaca.

Format penulisan skrip sebegini diperlukan bagi memudahkan seseorang jurukamera dan lain-lain staf yang berkaitan mendapat gambaran mengenai apa yang perlu dilakukan. Skrip yang tidak jelas menyukarkan kerja jurukamera atau pelakon dan seterusnya menjadi salah satu punca kegagalan video yang dihasilkan.

Skrip yang ditulis dengan jelas juga dapat membantu dalam proses merakamkan suara. Skrip yang telah disediakan dengan baik membolehkan seseorang juru audio atau peminjam suara membayangkan jalan cerita dan seterusnya menghayati watak yang dipegang olehnya atau suara latar yang ingin digunakan.

Format Skrip Video: Satu Lajur

Biasanya, skrip atau lakon layar video bermula dengan halaman tajuk yang di dalamnya mengandungi tajuk video dan juga nama penulis skrip atau cerita. Ianya juga mempunyai maklumat mengenai status video tersebut (asli atau adaptasi daripada buku dan sebagainya).

Selepas helaian tajuk atau muka hadapan, setiap helaian atau mukasurat seterusnya perlu dinomborkan. Ia biasanya diletakkan di bahagian kanan bawah setiap helaian. Sistem penomboran biasanya ditulis bersama-sama dengan tajuk projek. Sebagai contoh, sekiranya tajuk projek video yang akan dihasilkan ialah “Komputerku Rosak Lagi” maka berikut

merupakan contoh format yang boleh digunakan bagi tujuan penomboran helaian:

Komputerku Rosak Lagi - Halaman 1.

Setiap helaian skrip seterusnya akan dimulakan dengan tajuk di bahagian atas helaian dan diikuti dengan teks “FADE IN” dan sebagainya yang merujuk kepada kesan khas atau teknik penggambaran yang akan digunakan bagi memulakan babak. Ini biasanya disusuli dengan maklumat yang mampu memberi gambaran secara visual berkaitan dengan babak berkaitan yang akan dipersembahkan. Ini penting bagi membolehkan seseorang mendapat idea yang lebih jelas berkaitan dengan aksi atau aktiviti dalam babak yang akan berlaku. Maklumat seperti di mana lokasi atau persekitaran di mana babak tersebut berlaku merupakan apa yang sering dinyatakan.

Tajuk atau kepala babak biasanya akan disediakan dan ianya mengandungi maklumat-maklumat utama berkaitan dengan babak yang akan dirakamkan. Perkataan sama ada INT dan EXT selalu digunakan bagi mewakili lokasi rakaman sama ada di dalam (INT) atau di luar (EXT). Ianya boleh ditulis dengan ringkas seperti yang berikut:

INT. BILIK KULIAH - SIANG.

atau

EXT. MEDAN MELETAK KENDERAAN – MALAM.

Seterusnya, ini akan disusuli dengan penerangan ringkas mengenai suasana atau persekitaran di mana babak yang berkaitan akan dilaksanakan. Contohnya :

INT/EXT. LOBI HOTEL/JALAN RAYA - PAGI

(Aktor memandang aktiviti yang berlaku di seberang jalan dari lobi hotel)

atau

ISMAIL dan SITI MUSLIHAH berjalan seiring ke arah sebuah kedai runcit.

Tiba-tiba kedengaran bunyi ENJIN KENDERAAN yang membingitkan telinga. Kelihatan empat buah motorsikal berkuasa besar menghampiri mereka berdua.

Seterusnya, sebelum dialog atau aktiviti bagi setiap watak di dalam babak dimulakan, kita perlu memaklumkan terlebih dahulu watak, karakter atau lain-lain subjek yang ada di dalam babak tersebut. Nama atau perwakilan bagi setiap watak atau karakter yang akan mengucapkan dialog akan diletakkan atau dijajarkan di bahagian tengah skrip. Ianya akan ditulis dengan menggunakan HURUF BESAR. Teks atau dialog yang akan diucapkan pula diletakkan di bahagian bawah nama tersebut dan disusun jajar ke kiri (*left justify*) atau di tengah-tengah (*center*).

Ringkasnya, terdapat tiga elemen utama yang perlu disediakan bagi melengkapkan skrip video tersebut dan ianya disediakan mengikut format yang berikut:

NAMA

(Arahan)

Dialog yang akan diucapkan oleh watak.

NAMA

Nama merujuk kepada nama watak yang akan mengucapkan dialog tersebut. Ia biasanya ditulis dalam huruf besar apabila pertama kali muncul. Seterusnya, ia boleh ditulis menggunakan huruf kecil.

Arahan


Arahan bukanlah merupakan sesuatu yang wajib ada tetapi

dengan adanya arahan ianya membolehkan seseorang aktor mengetahui apa atau bagaimana sesuatu adegan itu perlu dilakukan di samping dialog yang akan diucapkan. Sebagai contoh, arahan agar aktor perlu berbisik, menjerit dan sebagainya.

Dialog

Dialog merujuk kepada apa yang akan diucapkan oleh aktor atau watak. Seboleh mungkin dialog seharusnya ringkas tetapi padat. Sekiranya dialog digunakan, ia biasanya diletakkan di bahagian kiri atau tengah.

Perhatikan contoh yang berikutnya:



Seperti mana yang dapat diperhatikan pada contoh yang ditunjukkan, arahan atau maklumat tambahan seperti tingkah laku watak tersebut dan sebagainya boleh ditambahkan di bahagian bawah nama watak tersebut dalam bentuk kurungan (sebelum dialog sebenar dipaparkan) sekiranya perlu.

Teks “Cut To” merujuk kepada arahan bagaimana babak tersebut akan berubah ke babak yang seterusnya. Ianya mewakili jenis kesan kamera atau teknik penggambaran yang boleh digunakan. *Fade In*, *Fade Out*, *Zoom In*, *Close Shot* dan sebagainya merupakan contoh-contoh kesan perubahan babak

yang sering digunakan. Ini akan dibincangkan di dalam bahagian yang seterusnya.

Selain daripada menggunakan format seperti mana yang telah dibincangkan, dalam penerbitan video yang lebih bersifat dokumentari, format lajur (sama ada 2 lajur, 3 lajur atau lebih) boleh digunakan.

Format Skrip Video: Dua Lajur atau Lebih

Skrip dua lajur seperti yang dipaparkan seterusnya merupakan contoh format skrip yang sering digunakan dalam penerbitan video.

Visual	Audio
Paparan mahasiswa pelbagai bangsa di majlis konvokesyen UTM.	Suara latar: UTM telah berjaya melahirkan siswazah peringkat Diploma, Ijazah Pertama, Sarjana dan Doktor Falsafah.
Carta graduan UTM dari luar negara (mengikut negara) dalam bentuk animasi	Suara latar: UTM juga berbangga dengan penambahan pelajar dari luar negara dan sekaligus meningkatkan imej UTM di peringkat antarabangsa.

Menerusi skrip sedemikian, aktor atau jururakam audio mendapat maklumat mengenai dialog atau suara latar yang akan digunakan. Jurukamera pula mendapat maklumat mengenai babak atau shot yang perlu dirakam serta teknik rakaman yang akan digunakan. Di samping itu, penyunting video pula mendapat maklumat mengenai bagaimana setiap babak di dalam rakaman perlu dihubungkan di antara satu sama lain.

Lajur di sebelah kiri misalnya memberi semua maklumat berkaitan dengan elemen visual dan juga teknik yang digunakan. Sebagai contoh, teknik rakaman seperti *fade in*, *close up*, *panning* dan sebagainya boleh dinyatakan di bahagian ini bagi membantu jurukamera melaksanakan tugas dengan lebih mudah dan sistematik.

Lajur di sebelah kanan pula memberi maklumat berkaitan dengan dialog yang akan diucapkan oleh watak di dalam video, kesan bunyi ataupun suara latar yang digunakan.

Rekaletak atau susun atur skrip dengan format seperti mana yang telah dibincangkan perlu digunakan kerana ianya membolehkan sesuatu idea, jalan cerita serta elemen-elemen utama bagi sesuatu babak disampaikan dengan lebih mudah dan berkesan. Selain daripada itu, ianya juga membolehkan setiap individu yang terlibat dalam proses penerbitan mendapat maklumat yang secukupnya bagi setiap adegan yang ingin dirakamkan.

Berikut merupakan contoh-contoh format skrip video lain yang juga boleh digunakan.

Cue	Visual	Masa	Audio		Catatan
			Suara Latar	Muzik	
1	Klip video skrin statik teks Fakulti Pendidikan dan logo UTM				
2	Klip video lokasi pintu depan FP Klip imej statik memaparkan alamat FP serta lokasinya di UTM.				

Konsep	Skrip	Visual	Audio	Masa
Objektif Video	Video ini akan memperkenalkan anda kepada Teknologi Multimedia khususnya bagaimana ianya dimanfaatkan dalam bidang pendidikan	Grafik: Paparan teks objektif program video	Muzik dan suara latar	0:00:10
Pengenalan	Multimedia pula merupakan satu teknologi yang semakin hebat diperkatakan dan kehadirannya merancakkan lagi perkembangan serta pembangunan teknologi maklumat yang telah sedia ada.	Paparan seorang guru lelaki sedang mengajar di dalam kelas menggunakan komputer notebook dan projektor LCD. FADE OUT:	Muzik dan suara latar	0:00:15

Teknik Penggambaran dan Peralihan Babak dalam Skrip Video

Projek video yang lengkap biasanya dibangunkan berdasarkan babak-babak yang lebih kecil. Oleh yang demikian, bagi memastikan kesinambungan di antara babak-babak ini mampu membentuk kesan yang lebih dramatik, beberapa kaedah sering digunakan. Antara yang utama ialah menerusi kesan penggunaan pelbagai teknik penggambaran atau juga dikenali sebagai *camera shot*. Berikut merupakan antara beberapa teknik penggambaran yang boleh digunakan.

Fade In / Fade Out

Kesan ini sering digunakan sama ada di awal skrip atau pun di akhir skrip. Ianya dapat memberi gambaran bahawa sesuatu persembahan video itu akan dimulakan ataupun akan tamat. *Fade In* merujuk kepada keadaan di mana sesuatu babak akan muncul di paparan sedikit demi sedikit (dari keadaan gelap kepada lebih terang misalnya). Ia sering digunakan di awal paparan sesuatu babak. *Fade Out* pula memberi kesan yang bertentangan dengan *Fade In* di mana ianya menunjukkan keadaan paparan sesuatu babak yang semakin hilang daripada paparan (daripada keadaan terang kepada gelap misalnya). Ia sering digunakan sebagai penutup sesuatu babak.

Angle On

Mewakili teknik penggambaran atau *shot* yang difokuskan kepada watak, karakter atau objek di dalam sesuatu babak. Ini bagi memberi tumpuan atau fokus kepada elemen tersebut di dalam sesuatu babak mengikut keperluan jalan cerita.

Favouring

Hampir sama dengan teknik penggambaran *Angle On*. Ianya digunakan bagi membolehkan elemen pada sesuatu babak dapat difokus atau diberi tumpuan yang sewajarnya.

Another Angle

Memaklumkan bahawa paparan video boleh dipersembahkan daripada posisi atau perspektif yang berbeza.

Wider Angle

Memaparkan sesuatu babak daripada perspektif yang lebih luas.

POV atau Point of View

Memaparkan babak daripada perspektif atau sudut pandangan watak atau subjek.

Reverse Angle

Memaparkan babak daripada perspektif atau sudut pandangan orang lain (watak lain dalam sesuatu babak).

Moving Shot

Mewakili keadaan di mana seolah-olah kamera akan merakamkan sesuatu aksi secara beriringan mengikut aksi atau aktiviti dalam sesuatu babak. Terdapat pelbagai *Moving Shot* yang boleh digunakan seperti *Tracking*, *Pan*, *Dolly* dan sebagainya. Namun demikian, dalam fasa penulisan skrip, ianya tidak perlu dijelaskan dengan mendalam.

Close Shot atau Close Up

Mewakili proses di mana watak atau subjek dalam babak di beri tumpuan dengan mendekatkan kamera atau fokus persembahan kepadanya.

Penutup

Penulisan skrip dan lakon layar memainkan peranan dalam membolehkan sesuatu idea dapat digambarkan dengan lebih jelas sebelum ianya dapat diterjemahkan ke dalam bentuk video sebenar. Skrip yang baik dengan sokongan papan cerita yang

jelas dapat membantu serta memudahkan tugas seseorang jurukamera dan lain-lain staf berkaitan bagi menghasilkan video yang berkualiti. Skrip yang berkualiti juga dapat menjamin jalan cerita yang ingin disampaikan kepada penonton dapat disempurnakan dengan lebih baik.

**Untuk Maklumat Lanjut dan Contoh Bab yang Lain:
<http://www.jz-media.com>**